



**ZAKAT MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI PULAU PINANG
(ZAKAT MAINPP)**

NOTIS JAWATAN KOSONG

ZAKAT MAINPP adalah sebuah anak syarikat di bawah MAINPP yang bertanggungjawab menguruskan kutipan dan agihan zakat di Negeri Pulau Pinang. Visi kami adalah untuk mengungguli usaha mewujudkan keseimbangan sosio-ekonomi ummah melalui sistem pengurusan zakat yang profesional dan berteknologi.

Zakat MAINPP turut memiliki lapan buah Pusat Hemodialisis Zakat (PHZ) yang beroperasi seluruh negeri Pulau Pinang di bawah Program Agihan Asnaf.

Selain PHZ, Inapan Kasih Sayang (IKS) juga merupakan salah satu Program Agihan Asnaf yang diwujudkan di bawah peruntukan agihan asnaf fakir dan miskin. IKS adalah merupakan asrama penginapan untuk anak-anak fakir miskin. Penghuni IKS terdiri daripada kanak-kanak yang berada dalam darjah empat, lima dan enam dan telah dibuka secara rasminya pada tahun 2012.

Manakala Pusat Jagaan Darul Hanan (DH) Kepala Batas adalah merupakan penempatan dan pusat penjagaan warga emas. Kompleks ini menampung jumlah maksima warga emas seramai 150 orang. Mula beroperasi pada 1 Februari 2010.

Bagi memastikan hasrat dan tanggungjawab ini tercapai selaras dengan visi dan misi ZPP, kami memerlukan calon yang berkeelayakan dan berkebolehan serta bermotivasi tinggi serta berminat untuk berkhidmat dan membina kerjaya dengan Zakat MAINPP.

JAWATAN

1. Pembantu Penyelia Asrama (Perempuan) (2 kekosongan)

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

Keutamaan diberikan kepada calon-calon yang **berpengalaman** dan **memiliki kelayakan yang bersesuaian** seperti berikut:

1. Pembantu Penyelia Asrama (Perempuan) (2 kekosongan)

Penempatan – di Bahagian Darul Hanan MAINPP

- 1.1 Taraf jawatan adalah **Pekerja Sambilan Harian (PSH)**;
- 1.2 Memiliki sekurang-kurangnya **sijil SPM** atau lain-lain kelayakan berkaitan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;
- 1.3 Keutamaan diberikan kepada calon perempuan yang mempunyai pengalaman bekerja sekurang-kurangnya setahun di:
 - (i) Pusat jagaan warga emas;
 - (ii) Rumah kebajikan / pusat perlindungan; atau
 - (iii) Institusi penjagaan kesihatan dan sosial.
- 1.4 Mempunyai kemahiran seperti berikut:
 - a. Kemahiran asas penjagaan warga emas, termasuk membantu dalam aktiviti harian seperti makan, mandi, berpakaian dan pergerakan.
 - b. Kemahiran komunikasi yang baik dalam berinteraksi dengan warga emas, ahli keluarga penghuni serta kakitangan lain.
 - c. Kemahiran mengendalikan warga emas yang mempunyai masalah kesihatan seperti nyanyuk, kurang upaya fizikal atau penyakit kronik.
 - d. Kemahiran memantau keselamatan dan kebajikan penghuni bagi memastikan persekitaran asrama sentiasa selamat dan teratur.
 - e. Kemahiran pengurusan emosi dan kesabaran yang tinggi dalam menghadapi pelbagai situasi melibatkan penghuni warga emas.
 - f. Kemahiran asas pertolongan cemas (First Aid) adalah satu kelebihan.

- g. Kemahiran bekerja secara berpasukan serta mampu menerima arahan dan melaksanakan tugas dengan baik.
- h. Kemahiran mengurus kebersihan diri penghuni dan persekitaran asrama bagi memastikan tahap kebersihan sentiasa terjaga.
- i. Kemahiran membuat laporan ringkas atau merekod maklumat penghuni sekiranya diperlukan.

1.5 Calon mestilah mempunyai ciri-ciri peribadi berikut:

- (i) Penyayang, prihatin dan mempunyai sifat empati terhadap warga emas yang memerlukan penjagaan dan perhatian.
- (ii) Sabar dan bertolak ansur dalam mengendalikan penghuni yang mempunyai pelbagai latar belakang kesihatan dan emosi.
- (iii) Amanah, jujur dan berintegriti tinggi dalam melaksanakan tanggungjawab yang diberikan.
- (iv) Bertanggungjawab dan berdisiplin serta mampu mematuhi peraturan dan prosedur yang ditetapkan oleh pihak pengurusan.
- (v) Mempunyai komitmen dan dedikasi yang tinggi terhadap tugas serta kebajikan penghuni pusat jagaan.
- (vi) Mempunyai sikap proaktif dan boleh berdikari dalam menyelesaikan tugas yang diberikan.
- (vii) Berkebolehan bekerja dalam pasukan dan mempunyai hubungan kerja yang baik dengan rakan sekerja.
- (viii) Mempunyai tahap kesabaran dan kawalan emosi yang baik ketika berhadapan dengan situasi mencabar.
- (ix) Menjaga adab, tutur kata dan tingkah laku ketika berurusan dengan penghuni, keluarga penghuni dan pelawat.

1.6 Antara tugas bagi jawatan ini adalah seperti berikut:

- (i) Memberi orientasi kepada penghuni yang baru dimasukkan ke asrama.
- (ii) Mengambil dan merekod sukatan tinggi, berat badan, suhu badan, pernafasan dan nadi penghuni.
- (iii) Memberikan rawatan pemakanan melalui tiub di bawah pengawasan Penolong Penyelia Asrama yang bertugas.

- (iv) Melakukan sponging ke atas pesakit apabila diarah oleh Pembantu Penyelia Kanan.
- (v) Membuat prosedur ringan dalam penjagaan mulut.
- (vi) Mencukur bulu – bulu pada bahagian anggota badan tertentu penghuni.
- (vii) Membantu dalam menyukat dan merekod ubat-ubatan penghuni.
- (viii) Mengangkat dan mengubah kedudukan penghuni.
- (ix) Membuat dressing yang mudah.
- (x) Mengambil contoh urin, najis dan kahak serta melabel dengan betul dan menghantar ke pejabat sekiranya diperlukan.
- (xi) Melakukan tugas asas pembersihan dan pembasmian kuman.
- (xii) Mengemas dan membersihkan peralatan selepas setiap prosedur dan membuang sisa-sisa klinikal mengikut protokol.
- (xiii) Membantu dalam program pendidikan kesihatan penghuni melalui program Bersama agensi Kerajaan dan Masyarakat.
- (xiv) Berkebolehan membuat catatan dan merekod segala laporan sewaktu serah tugas pertukaran shif.
- (xv) Mengemas katil, menukar kain dan sarung bantal yang kotor.
- (xvi) Mengambil makanan dari dapur serta membantu memberi makanan kepada penghuni.
- (xvii) Menyuapkan makanan kepada penghuni yang tiada upaya.
- (xviii) Memberi khidmat dan membersihkan bekas-bekas najis yang digunakan oleh pesakit.
- (xix) Mengisi bekas-bekas ubat dan memastikan penghuni makan ubat mengikut masa.
- (xx) Mengutip contoh spesimen bahan kumuhan bahan dan menghantar ke pejabat sekiranya diperlukan untuk rawatan.
- (xxi) Mengiringi penghuni untuk rawatan/rujukan/siasatan seperti ke jabatan Kerajaan / hospital /klinik / unit kepakaran/pengimejan, fisioterapi dan lain-lain.
- (xxii) Menghantar penghuni balik ke asrama selepas selesai makan di dewan makan.
- (xxiii) Membantu dalam memeriksa alat kelengkapan supaya berada dalam keadaan baik, selamat dan boleh digunakan.
- (xxiv) Membersihkan alat kelengkapan perubatan yang telah digunakan.

- (xxv) Menjalankan tugas-tugas dobi dengan mengasingkan pakaian mengikut kumpulan.
- (xxvi) Membantu tugas-tugas memeriksa uniform yang disediakan untuk penghuni.
- (xxvii) Membantu pesakit apabila diperlukan seperti mengiringi ke tandas, klinik, hospital dan sebagainya. (Kes uzur).
- (xxviii) Memastikan keselamatan dan kebersihan asrama tempat bertugas.
- (xxix) Melaksanakan tugas-tugas dalam pengendalian kematian (last office). Melaporkan kepada penyelia yang bertugas.
- (xxx) Membantu pegawai dalam prosedur pemeriksaan, ujian dan rawatan pesakit.
- (xxxi) Memberikan khidmat sokongan dalam semua aktiviti yang dijalankan oleh bahagian lain.
- (xxxii) Menjalankan segala tugas-tugas yang diarahkan oleh pihak pengurusan pada bila-bila masa yang diperlukan.
- (xxxiii) Bertanggungjawab kepada Pengurus, Darul Hanan MAINPP.

SYARAT-SYARAT AM KELAYAKAN

1. Warganegara Malaysia dan beragama Islam;
2. Lulus sijil SPM / SPMV atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;
3. Berkemahiran dalam penjagaan warga emas;
4. Tidak merokok;
5. Calon mestilah mempunyai rekod kesihatan yang baik;
6. Berakhlak mulia;
7. Tidak mempunyai rekod '*bancruptcy*';
8. Keutamaan akan diberikan kepada calon anak Negeri Pulau Pinang atau pasangan atau ibubapa berasal dari Negeri Pulau Pinang.

CARA MEMOHON

1. Bagi calon yang berminat dan memenuhi semua syarat-syarat yang dinyatakan, sila kemukakan:
 - i. Mengemukakan *resume* terkini atau profil dan *Curriculum Vitae* terbaru (CV) yang mengandungi butir-butir peribadi, kelayakan akademik (sertakan salinan sijil yang berkaitan), pengalaman kerja dan sekeping gambar bersaiz pasport. Sila nyatakan gaji terkini dan gaji yang dipohon.
 - ii. Permohonan hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Sumber Manusia melalui e-mail di alamat bpsm@zakat.mainpp.gov.my.
 - iii. Tarikh tutup permohonan adalah pada **31 Julai 2026 (Jumaat)**.